



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

23 Oktober 2015 / 10 Muharram 1437

Kepentingan Ilmu: Pengajaran Disebalik Sumbangan

Saidatina Aisyah r.a.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا، وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ
لِلْمُتَّقِينَ ذِكْرًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ إِلَى يَوْمِ تَجِدُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا
عَمَلَتْ مُحَضَّرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudara-saudara sidang Jumaat,

Saya menyeru kepada diri saya dan saudara-saudara sekalian, agar bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga kita mendapat rahmat dan pengampunannya.

Saudaraku sekalian,

Sesungguhnya Islam telah meletakkan ilmu pada kedudukan tertinggi. Seruan Allah menerusi ayat-ayat suci Al-Quran yang menuntut umat Islam untuk membaca dan menuntut ilmu,

sudah cukup menggambarkan pentingnya umat Islam supaya berfikir dan menuntut ilmu. Antaranya firman Allah s.w.t.:

أَمَّنْهُوَ قَنْتِءَانَاءَ أَلَيْلٍ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Yang bermaksud: “Ataukah (yang lebih beruntung itu) orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran”. [Surah Az-Zumar, ayat 9]

Nabi s.a.w. pula bersabda yang bermaksud: “Menuntut ilmu itu adalah wajib, ke atas setiap muslim. [Hadith riwayat Ibn Majah dan At-Tabrani]

Akan tetapi saudaraku, kepentingan menuntut ilmu ini bukan hanya diwajibkan bagi golongan lelaki tanpa wanita, bahkan Islam menitikberatkan pendidikan wanita, kerana seorang ibu itu merupakan sumber ilmu yang pertama bagi keturunan dan zuriatnya.

Sayyidatina Aisyah *Radhiallahu ‘Anha* adalah contoh utama buat wanita yang berilmu dan berjasa dalam masyarakat.

Selain daripada kebijaksanaan kurniaan Allah s.w.t., kita dapat mengambil iktibar bagaimana ayahnya Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a. dan suaminya, iaitu Saidina Nabi Muhammad s.a.w. memainkan peranan penting dalam membina keperibadian mukmin dan keilmuan di dalam dirinya.

Saudaraku,

Sayyidatina Aisyah r.a. mempunyai kemuliaan di sisi Allah dan Rasul dan darjatnya tidak dapat dipertikaikan lagi. Beliau merupakan di antara wanita yang paling utama dan sering dijadikan rujukan oleh masyarakat setelah kewafatan Nabi s.a.w., memandangkan kefahamannya terhadap perkara agama, juga disebabkan darjatnya di sisi Nabi s.a.w. Kerana hubungannya yang rapat dengan Nabi s.a.w., beliau begitu arif mengenai gerak-geri, tindakan dan perbualan Nabi s.a.w.

Menurut Sheikh Ibnu Sa'ad dalam kitab Tabaqat, di antara keistimewaan Sayyidatina Aisyah juga, adalah beliau mendahului kaum muslimah yang pernah meriwayatkan hadith Nabi s.a.w. Menurut Ibn Sa'ad, Sayyidatina Aisyah telah meriwayatkan 2,210 hadith dari Nabi s.a.w.

Para jemaah sekalian,

Nah, apa yang baru dinyatakan sebentar tadi, memberikan suatu gambaran umum berkaitan sumbangan Saidatina Aisyah r.a kepada Islam. Terdapat beberapa pengajaran utama yang mampu kita raih disebalik ini.

Yang pertama, peranan ibu bapa dan ahli keluarga dalam pembentukan jati diri, pandangan alam (*worldview*) dan akhlak pekerti anak-anak mereka, tidak dapat dinafikan lagi.

Oleh itu, didiklah anak-anak gadismu menjadi ibu dan pendidik yang baik. Ingatlah bahawa ketika kita membesarkan dan mendidik seorang anak perempuan dengan baik, bererti kita sedang menyiapkan generasi masa depan.

Nabi pernah bersabda secara khusus tentang kelebihan orang yang mendidik dan mengasuh anak perempuan dengan baik dalam hadithnya yang bermaksud: *“Barangsiapa yang mempunyai tiga orang anak perempuan dan dia mendidik, mengasahi dan menafkahi mereka, dia akan masuk syurga”*. Ada yang bertanya: *“Wahai Rasulullah, sekiranya dia hanya ada dua orang anak perempuan?”* Nabi jawab: *“Ya walaupun dua orang. Sebahagian orang berfikir bahawa jika Nabi ditanya tentang seorang anak perempuan, Nabi pasti akan menjawab, walaupun sekiranya dia memiliki seorang anak”*. [Musnad Ahmad]

Saudaraku,

Wanita Muslimah yang berilmu menjadi contoh ikutan dan panduan kepada keluarga dan masyarakatnya. Oleh itu hendaklah kita pastikan bahawa anak-anak perempuan kita mendapat pendidikan dunia dan akhirat yang sempurna. Ini kerana, ilmu dan iman adalah merupakan aset yang paling

berharga. Ia membawa keselamatan dan kejayaan insan di dunia dan di akhirat. Ilmu membuat seseorang itu mampu berdikari dan tidak mengharapkan ihsan daripada orang lain semata-mata. Iman dan takwa pula adalah aset rohani yang paling bernilai kerana ia mampu menjaga anak itu daripada kejahatan sama ada secara terang-terangan mahupun yang tersembunyi.

Sebagaimana yang kita ketahui, ibu adalah madrasah yang pertama bagi anak-anak. Sebab itu ada hadith Nabi yang meletakkan keutamaan bagi kriteria beragama dalam mencari pasangan hidup. Sabda Nabi: *“Wanita itu dinikahi kerana empat perkara: Kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan agamanya. Maka pilihlah yang baik agamanya, nescaya engkau menjadi orang yang beruntung”*. [Hadith riwayat Imam Bukhari dan Muslim]

Kerana itu, tanggungjawab mendidik generasi muda sebenarnya berada di bahu setiap yang bergelar ibu dan bapa bagi anak-anak gadis mereka. Maka sekiranya kita berjaya mengasuh mereka dan memberikan kepada mereka panduan agama dan pekerti yang mulia, beliau mampu mendidik generasi yang berada di bawahnya pula dengan nilai-nilai murni tersebut. Jangan sekali-kali kita bertanggung songsang bahawa pendidikan anak-anak gadis tidak penting, memandangkan beliau nanti akan “ke dapur juga”. Kerana sumbangan seorang wanita tidak terbatas dengan tempat,

waktu, dan kadar yang tertentu. Seperti Sadatina Aisyah, selagimana ruh dikandung jasad, selagi itu ilmunya, pengalamannya terus dicurahkan kepada generasi yang mendatang.

Saudaraku sekalian,

Perkara yang kedua yang perlu kita perhatikan untuk membina generasi yang cintakan ilmu adalah pendidikan yang berjaya sebenarnya bermula dari usia yang muda. Bak kata pepatah Melayu, melentur buluh, biarlah daripada rebungunya. Tanamkan cinta Allah, cinta Rasul dan cinta Al-Quran, insyaAllah cinta ilmu akan terbina. Jika iman kukuh di dalam dada, anak ini akan membesar subur dengan nilai-nilai murni dan luhur. InsyaAllah dia akan mampu berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dan dugaan kehidupan dunia ini.

Kita sebagai pemimpin rumahtangga, sebagai seorang ayah, suami dan abang memainkan peranan penting dalam menggalakkan ahli keluarga untuk mencintai dan menimba ilmu. Selagi mampu, kita ajak dan bawa ahli keluarga ke majlis-majlis ilmu secara tetap. Kita juga boleh mencipta suasana cinta ilmu di rumah dengan mengadakan perpustakaan mini dan ruang membaca di sudut rumah. Sesekali, adakan waktu untuk diskusi ilmiah dan perkongsian perkembangan isu semasa untuk membina kematangan ahli keluarga. Ini penting bagi melahirkan insan-insan yang matang, prihatin terhadap

orang lain dan bijak mengharungi kehidupan yang penuh cabaran.

Semoga kita semua diberi kekuatan dan kebijaksanaan oleh Allah s.w.t. dalam menjalankan amanah kita sebagai seorang pemimpin di dalam keluarga kita. Mudah-mudahan sebagaimana kita dikumpulkan bersama mereka di sini, kita juga akan disatukan dengan ahli keluarga kita nanti di syurga. Ameen Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.